



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

### KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan : UPSI/PLM/LM/639/A241  
Ruj. Kami : KPM.500-8/9/1 Jld. 17( 5 )  
Tarikh : 21 November 2024

Pengarah  
Pusat Latihan Mengajar dan Industri  
Aras Bawah, Blok 9  
Kampus Sultan Azlan Shah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
**35900 Tanjung Malim**  
PERAK

YBrs. Prof. Madya Dr.,

### PERMOHONAN PENEMPATAN PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DI SEKOLAH – SEKOLAH SELIAAN BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN UNTUK MENJALANI LATIHAN MENGAJAR

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat pihak YBrs. Prof. Madya Dr., UPSI/PLM/LM/639/A241 bertarikh 13 November 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah mendapat kelulusan daripada Timbalan Ketua Pendaftar bagi permohonan latihan mengajar untuk pelajar seperti di **Lampiran A pada 23 Februari 2025 sehingga 26 Jun 2025 dengan bayaran Elaun Guru Praktikal sebanyak RM 5.00 sejam (8 jam sehari)** bagi semua hari bekerja terhad kepada maksimum 90 hari sahaja.

3. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.**

4. Sehubungan dengan itu, pihak universiti/institut pendidikan hendaklah menghubungi **Pengarah Pendidikan Negeri** yang terlibat untuk membincangkan kaedah terbaik pelaksanaan program ini. Pihak YBrs. Prof. Madya Dr. juga perlu mengemukakan nama pelajar kepada Pendaftar Negeri (Pengarah Pendidikan Negeri) di mana pelajar akan mengikuti latihan industri tersebut untuk mendapatkan Permit Mengajar. **Kegagalan pelajar untuk mendapatkan Permit Mengajar daripada Pengarah Pendidikan Negeri sebelum menjalani latihan industri boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menjalani latihan industri.**

5. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada:

- 5.1 **Seksyen 103(1) dan 2 (a), 2 (b) dan 2(c), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)**

- 5.2 **Seksyen 114(1) (a) Pengeluaran Permit Mengajar, Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550); dan**
- 5.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1985: Latihan Mengajar Bagi Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan, Pusat/Fakulti Pendidikan Universiti.**
6. Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dan menurut budi bicaranya, membatalkan sesuatu permit mengajar dengan memberi notis bertulis kepada pemegang permit itu.
7. Di samping itu, pihak YBrs. Prof. Madya Dr. juga dikehendaki memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi:
  - 7.1 **Mendapat kebenaran daripada JPN/pengetua/guru besar sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian/keperluan;**
  - 7.2 Pihak sekolah akan melantik guru/guru-guru pendamping dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru-guru pelatih berkenaan;
  - 7.3 Pihak universiti/institut pendidikan hendaklah menamakan pegawai akademik/ pensyarah pembimbing yang akan bertanggungjawab kepada guru-guru pelatih berkenaan;
  - 7.4 Pengarah Pendidikan Negeri boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual pengajaran/tugas pelatih berkenaan setelah berbincang dengan pegawai akademik/pensyarah pembimbing mereka.
  - 7.5 Guru-guru pelatih boleh diarahkan oleh pengetua/guru besar untuk terlibat sama dengan mana-mana program dan/atau aktiviti sekolah;
  - 7.6 Pihak universiti/institut pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan pelatih sepanjang menjalani latihan mengajar;
  - 7.7 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa menjalani latihan mengajar hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak universiti/ institut pendidikan;
  - 7.8 Pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, etika profesion keguruan dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut;
  - 7.9 **Salinan laporan akhir latihan pengajar hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program dilaksanakan kepada Pendaftar tersebut;**
  - 7.10 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
  - 7.11 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar dari semasa ke semasa; dan

7.12 Mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Institusi Pendidikan KPM. Guru pelatih juga perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang program dijalankan.

8. KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran ini sekiranya pihak YBrs. Prof. Madya Dr. gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuat kuasa.

9. Kelulusan ini (**Permohonan Penempatan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris Di Sekolah – Sekolah Seliaan Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian Untuk Menjalani Latihan Mengajar**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **26 Jun 2025**. Disertakan bersama-sama Kelulusan Penempatan Guru Pelatih UPSI di Sekolah – Sekolah Seliaan BSKK daripada Timbalan Ketua Pendaftar untuk rujukan dan tindakan pihak YBrs. Prof. Madya Dr. seterusnya. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini sila hubungi **Puan Hasni Izura binti Ismail** di talian **03-88841106** atau e-mel **hasni.izura@moe.gov.my**.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBrs. Prof. Madya Dr. berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ITHNIN BIN MAHADI)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
3. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
4. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
5. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
6. Pengetua  
Sekolah Sukan Bukit Jalil
7. Pengetua  
Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail
8. Pengetua  
Sekolah Sukan Malaysia Pahang
9. Pengetua  
Sekolah Sukan Malaysia Terengganu
10. Pengetua  
Sekolah Seni Malaysia Johor
11. Pengetua  
Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur
12. Pengetua  
Sekolah Seni Malaysia Perak

**Lampiran A**

**SENARAI NAMA PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS MENJALANI LATIHAN MENGAJAR DI SEKOLAH –  
SEKOLAH SELIAAN BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pelajar</b>	<b>No. Matrik</b>	<b>Program ISM</b>	<b>Tarikh Latihan Mengajar</b>	<b>Nama Sekolah Penempatan</b>
1.	Aina Nur Nasywa binti Zol @ Zulfahmie	D20211100242	Pendidikan Sains Kejurulatihan	24.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail
2.	Nur Arisyah binti Azlin	D20211101307			
3.	Nurul Farhana binti Farid	D20211101304			
4.	Siti Ayu Ummairah binti Ahmad Sukari	D20211100249			
5.	Mohd Azmey bin Jumaton	D20211100251			
6.	Muhammad Fikry bin Ruslei	D20211101305	Pendidikan Sains Kejurulatihan	24.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail
7.	Muhammad Naufal bin Nazli	D20211101306			
8.	Syahirah Amira binti Nazri	D20211100943			
9.	Muhammad Abrar El Shauqi bin Mohd Amran	D20211101303			
10.	Muhammad Mustaqim bin Mohd Shahril	D20211100257	Pendidikan Sains Kejurulatihan	24.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Sukan Malaysia Pahang
11.	Nur Syafiqah binti Darwis @ Ridzuan	D20211100248			
12.	Ruth Herviana Anak Roben	D20211100247			

KPM.500-8/9/1 Jld. ( )

13.	Ahmad Safwan bin Ali	D20211101302	Pendidikan Sains Kejurulatihan	23.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Sukan Malaysia Terengganu
14.	Amisha Sonia Anak Umpau	D20211101301			
15.	Muhammad Akmal Habibillah bin Abdullah Suhaimi	D20211100255			
16.	Nor Hani Shahirah binti Mat Razali	D20211101300			
17.	Mohammad Hazim bin Md Yunan	D20211099753	Pendidikan Muzik	24.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Seni Malaysia Johor
18.	Syahmi Zaki bin Mohd Azhar	D20211099710			
19.	Aaron Prince A/L Mahendran	D20212098978	Pendidikan Muzik	24.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur
20.	Muhammad Azim bin Mohd Khair	D20211099745			
21.	Cyrill Emmerald Ak Jerry	D20212098601	Pendidikan Muzik	24.02.2025 – 26.06.2025	Sekolah Seni Malaysia Perak
22.	Stanleey Boi @ Albert	D20211099696			

---

**ULASAN**  
**TIMBALAN KETAU PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKTOR OPERASI SEKOLAH**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**


---

**PERMOHONAN KELULUSAN PENEMPATAN GURU PELATIH  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DI SEKOLAH-  
SEKOLAH SELIAAN BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN  
KESENIAN**

---



**Bersetuju** untuk meluluskan penempatan guru pelatih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sekolah-sekolah seliaan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian



**Tidak Bersetuju** untuk meluluskan penempatan guru pelatih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sekolah-sekolah seliaan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Ulasan:

---

---

---

*(ZANAL BIN ABAS)*

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah

Kementerian Pendidikan Malaysia

Tarikh: *19/11/2004*